



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

YBHG. DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SEMPENA
PROGRAM HARI DIGITAL PERPADUAN
TAHUN 2024

7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)
9.30 PAGI

AUDITORIUM
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Bismillahir rahmanir rahim

Assalaamu`alaikum warahmatullahi wabarakaatuh

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

**Salutasi terkini akan dikemukakan pada hari program.*

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran atas izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berhimpun pada hari ini dalam **Program Hari Digital Perpaduan Tahun 2024**. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir pada program ini sama ada secara fizikal atau secara atas talian.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

2. Peranan pendigitalan dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan kerajaan perlu diperkukuhkan pada tahap yang optimum. Melalui pendekatan **Anjakan Strategi Digital First (ASDF)** dan perkhidmatan keseluruhan kerajaan (**Whole-of-Government - WoG**) serta konsep **GovTech**, kerajaan dapat menjamin kesejahteraan

rakyat dalam memberi penekanan aspek **keselamatan digital** serta meningkatkan **keyakinan** rakyat dalam **transaksi** kerajaan yang **selamat** sejajar dengan **Malaysia MADANI**.

3. Kepentingan digitalisasi dalam era moden menekankan bahawa teknologi digital bukan sekadar satu keperluan tetapi menjadi **asas** kepada **perkembangan ekonomi** dan **daya saing Malaysia** di peringkat global. Komitmen Kerajaan dalam memajukan ekosistem digital ialah dengan menyediakan infrastruktur digital yang kukuh, seperti rangkaian 5G, pusat data, dan sistem awan (*cloud systems*).

PENGUNAAN TEKNOLOGI EMERGING TEKNOLOGI (ET)

4. Menteri Digital, YB Gobind Singh Deo dalam ucapan beliau semasa Persidangan Data Centre Supply Ecosystem Chain di Johor Bahru telah mengumumkan kewujudan Agensi baharu iaitu **Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO)** yang akan beroperasi pada bulan Disember 2024 bagi menggubal polisi yang sesuai dengan pembangunan kecerdasan buatan (AI) dengan meneliti kebaikan, risiko dan keseimbangan melibatkan teknologi AI.

5. Pejabat AI Kebangsaan ini akan memfokuskan kepada pembangunan algoritma, pemprosesan bahasa untuk kegunaan peribadi, sekuriti untuk AI serta pemeliharaan privasi data. Malah kewujudan Pusat AI Kebangsaan ini juga berlandaskan lima (5) aspek meliputi penjagaan, pengurusan, penguatkuasaan, pemantuan dan inovasi dalam industri dataraya.
6. Peranan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dalam Transformasi Digital akan menerapkan inisiatif kementerian dalam memperkukuh agenda digitalisasi negara melalui pelaksanaan pelbagai projek ICT dengan implementasi teknologi AI, IoT, dan Big Data dalam meningkatkan kecekapan pentadbiran kerajaan dan menyokong pembangunan masyarakat yang lebih inklusif dan bersepadu.
7. AI dilihat sebagai alat untuk mempertingkatkan produktiviti manusia. Contohnya, AI boleh membantu doktor membuat diagnosis dengan lebih cepat melalui analisis data perubatan atau membantu pereka bentuk menghasilkan idea melalui model reka bentuk AI.
8. AI juga boleh digunakan untuk mempermudah tugas pentadbiran seperti pengurusan jadual, pemprosesan permohonan, atau pengurusan data besar,

membolehkan pekerja menumpukan perhatian kepada aspek yang memerlukan kemahiran interpersonal dan penyelesaian masalah.

9. Pembangunan *Application Programming Interface* (API) adalah asas kepada integrasi data yang cekap dalam ekosistem digital moden. Ia membolehkan pelbagai sistem dan aplikasi untuk **berkomunikasi, berkongsi data, dan berfungsi secara serasi**, walaupun dibangunkan dengan teknologi yang berbeza. Penggunaan API juga menyokong automasi proses, mengurangkan kesilapan manual, dan meningkatkan keselamatan data.
10. Dengan transformasi digital yang pesat di Malaysia, API memainkan peranan penting dalam memastikan sistem yang sedia ada boleh berintegrasi dengan teknologi baharu seperti AI, IoT, dan *cloud computing*.
11. Big Data dan API memainkan peranan penting dalam integrasi data, terutama dalam era digital di mana organisasi perlu mengendalikan dan menganalisis sejumlah besar data yang datang dari pelbagai sumber. Integrasi data adalah proses untuk menggabungkan data dari pelbagai sistem dan menyediakan satu pandangan yang konsisten.

PENERAPAN BUDAYA PENGGUNAAN AI DAN IOT DI KEMENTERIAN DAN AGENSI

12. Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah melaksanakan inisiatif rintis digital untuk mereformasikan perkhidmatannya melalui penggunaan *emerging technologies*. JMM telah membangunkan penggunaan *Internet of Things* (IoT) dalam pemantauan iklim repositori muzium agar kondisi muzium sentiasa terpelihara dan dalam keadaan yang baik.
13. Saya juga difahamkan bahawa JMM akan membangunkan beberapa teknologi lain seperti pendigitalan artifak dalam bentuk 3D dan penerokaan pengalaman immersif dalam tahun 2025 termasuk menambahbaik penggunaan teknologi terimbuh (AR) dan realiti maya (VR) dalam pameran-pameran muzium, yang akan membolehkan lebih banyak artifak mahupun spesimen dipaparkan dalam bentuk maya sekaligus memberikan pengalaman baharu kepada para pengunjung.
14. Saya berharap inisiatif pendigitalan yang dilakukan oleh JMM ini akan diperluaskan lagi merangkumi bidang perkhidmatan permuziuman yang lain dan akan menjadi contoh serta pemangkin untuk diikuti oleh muzium-

muzium negeri mahupun jabatan lain.

PENUTUP

15. Saya berharap agar program pada hari ini dapat memberi pendedahan kepada para pengunjung mengenai kemajuan teknologi terutama dalam bidang AI, IoT, keselamatan siber, serta kaedah untuk menyemarakkan perpaduan dan kebersamaan rakyat melalui pendekatan digital.

16. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, izinkan saya membaca dua (2) rangkap pantun

Kecerdasan buatan mendekatkan kita,
Ilmu dan data bersatu padu,
AI membangun kemajuan bangsa,
Memupuk perpaduan, teguh bersatu.

AI membantu, tugas dipermudah,
Menjalin erat hubungan insan,
Digital dan pintar bersama melangkah,
Memacu perpaduan hingga masa hadapan.

17. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan **Hari Digital Perpaduan 2024**, peringkat

Kementerian Perpaduan Negara dan Agensi.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.